

30/03/2002

PM sahut rayuan tangani cetak rompak

SHAH ALAM, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyahut rayuan penyanyi popular Siti Nurhaliza Taruddin untuk menangani masalah cetak rompak yang dikatakan semakin membelenggu industri muzik tanah air sekarang.

"Kita sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh artis kita. Kita nak cuba seberapa yang boleh untuk membantu," kata Perdana Menteri selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) di Kompleks Belia di Seksyen 7 di sini.

Semalam, Siti Nurhaliza menitikkan air mata ketika merayu campur tangan Dr Mahathir dengan menyatakan: "Saya, mewakili rakan seperjuangan lain, berpendapat Perdana Menteri sajalah yang dapat membantu menyelesaikan permasalahan ini. Kami percaya beliau mempunyai cara tersendiri bagi menghapuskan gejala ini atau setidak-tidaknya pun mengawalinya.

"Kepada Dr Mahathir, dengarlah suara dan isi hati kami kerana tidak tahu ke mana lagi mahu diadakan nasib malang kami. Inilah ikhtiar terakhir kami," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah melakukan usaha sedaya upaya untuk membanteras kegiatan cetak rompak termasuk memberi kuasa lebih kepada Kementerian Dalam Negeri, menahan mereka yang terbabit dan merampas kaset serta cakera padat (CD).

"Tetapi dalam pada itu pun, ada juga orang buat. Kalau ada maklumat bagi tahu, kita akan ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga sudah mengharamkan penjualan CD, VCD dan kaset cetak rompak di tempat terbuka selain membuat rampasan berjuta-juta barangan itu.

"Bukan kerajaan tidak mahu menangani masalah cetak rompak ini tetapi usaha itu bukan sesuatu yang begitu mudah," katanya yang tidak menolak kemungkinan kelemahan penguatkuasaan menyebabkan masalah itu sukar diatasi.

"Mungkin... macam mana saya nak tentukan, tetapi kita kena kerja...kita tak bolehlah saya sendiri nak kena buat. Tentulah pegawai kena buat, kakitangan kena buat.

"Di antara mereka mungkin ada yang tidak begitu jujur. Kalau ada maklumat bagi tahu, kita ambil tindakan," katanya.

Mengenai kemungkinan harga CD, VCD dan kaset asli yang agak mahal berbanding harga untuk barangan cetak rompak menyebabkan masalah itu sukar dikawal, beliau berkata ia juga menjadi masalah.

"Macam perisian Microsoft, jurang (harganya) terlalu besar. Saya pun nak minta Bill Gates untuk kurang sikit harga. Sementara dia nak kita pergi kawal hak dia, dia pun kena kerjasama bagi kurang sikit harga. Dia kata dia sedang kurangkan," katanya.

Mengenai kemungkinan syarikat rakaman boleh mengikut contoh itu dengan menurunkan harga kaset, beliau berkata: "Ya lah syarikat rekod tak berapa jauh sangat perbezaan (harga), tetapi dia kena dapat balik modal dan dia kena bayar artis lagi. Orang ini (pencetak rompak) tak bayar artis apa pun," katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin enggan mengulas lanjut kerana beliau sudah mengeluarkan kenyataan mengenai kegiatan cetak rompak, Isnin lalu.

Dalam kenyataannya itu, beliau kesal dakwaan karyawan muzik menyatakan kementerian tidak melaksanakan tugas membanteras cetak rompak.

Katanya, dakwaan itu tidak benar sama sekali kerana pegawai penguat kuasa bertugas 24 jam malah beberapa pegawai ditempatkan dalam kilang membuat VCD dan CD.

"Langkah yang diambil oleh kementerian bagi membanteras cetak rompak `luar biasa' dan tidak ada kerajaan yang mengambil inisiatif seumpama itu. Selain diperkenalkan akta baru, kita juga pinda undang-undang berkaitan VCD dan CD, malah kementerian turut mengawal pengeluaran bahan itu selain mengharamkan penjualan secara terbuka," katanya.

Muhyiddin juga berkata, sehingga kini tidak ada fakta yang dapat membuktikan cetak rompak sebagai penyebab utama kemerosotan industri muzik.

Sebaliknya, berdasarkan laporan, ada beberapa faktor lain yang menyebabkan kemerosotan jualan album termasuk kualiti persembahan rendah selain muzik yang tidak sesuai dengan selera pendengar.

(END)